Politik Air Dan Kuasa Negeri

Bukan semua negeri sambut baik langkah pemindahan urusan air kepada Kerajaan Pusat. Isu air amat sensitif dan boleh menjadi satu pertikaian serius

MASSA 9·8·2003

Oleh AMREE AHMAD

MINGGU lalu, isu air menjadi topik perbincangan hangat pelbagai pihak di seluruh negara. Isu kali ini melibatkan kelemahan pentadbiran air di peringkat negeri. Menteri Kerja Raya, Datuk Seri S. Samy Vellu pada 30 Julai mengumumkan bahawa pengurusan air setiap negeri akan dipindahkan di bawah pentadbiran Pusat sepenuhnya.

Samy Vellu dipetik sebagai berkata, semua Menteri Besar dan Ketua Menteri bersetuju dengan langkah terbaru itu. Malah, proses peralihan itu akan berlaku seawal-awalnya hujung tahun ini sementara bagi Sabah dan Sarawak akan menyusul kemudian. Persetujuan itu diperakui semua pihak semasa mesyuarat Majlis Sumber Air Negara yang diadakan sehari sebelumnya.

Mesyuarat yang dipengerusikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad itu membangkitkan masalah ada negeri-negeri tertentu yang tidak mampu menguruskan air akibat kekurangan sumber kewangan. Hanya empat negeri pada masa ini yang mendapat keuntungan daripada urus niaga bekalan air.

"Isu air agak sensitif. Bukan kerana ia hak negeri, tetapi ia komoditi paling bernilai yang tidak mudah dijual beli," kata Ahli Majlis Persatuan Air Malaysia, Datuk Ir. Mohd. Akbar Johari kepada *MASSA*. Felo Institut Alam Sekitar dan Pembangunan Lestari, Universiti Kebangsaan Malaysia itu melihat isu tersebut boleh menimbulkan krisis jika gagal ditangani.

"Lihat sahaja hubungan Malaysia dan Singapura pun boleh renggang kerana masalah pelarasan harga air mentah," kata beliau. Secara berseloroh, Mohd. Akbar berkata, Singapura sekurang-kurangnya masih boleh menarik nafas lega kerana Dr. Mahathir memberi jaminan bahawa Malaysia sedia membekalkan air ke republik itu sehingga hari kiamat.

"Ironinya di Malaysia, sumber air hanya mampu bertahan sehingga tahun 2050 sahaja jika tiada usaha susulan dibuat segera," ujar beliau.

Menurut Pengarah Cawangan Bekalan Air, Jabatan Kerja Raya Malaysia, Ir. Low Chee Par, mungkin ramai yang tidak sedar masalah air negara sebenarnya mula menjadi jurang yang tidak seimbang beberapa tahun lalu.

Beliau berkata, buat pertama kali dalam sejarah, Malaysia mengalami defisit pendapatan air lebih rendah berbanding kos perbelanjaan. Contohnya pada 1978, hasil air menyumbang RM118.8 juta berbanding kos RM74.4 juta. Sedekad kemudian, hasil pendapatan bekalan air mencecah RM509.4 juta dan melibatkan kos cuma RM392.1 juta.

"Sepuluh tahun selepas itu iaitu 1998, negara memperoleh lebih RM1.271 bilion hasil urus niaga air dan perbelanjaan pula hanya RM1.158 bilion. Malangnya keadaan ternyata berubah sebaik melangkah ke

Pihak Berkuasa Air Setiap Negeri

Jenis Agensi	Nama Agensi	Kawasan Pentadbiran
Jabatan Kerja Raya (JKR) Negeri	JKR Labuan	Pulau Labuan
	JKR Kedah	Kedah
	JKR Perlis	Perlis
	JKR Sarawak	Sarawak (kecuali Kuching, Sibu, Miri,Limbang dan Bintulu.)
Jabatan Bekalan Air (JBA) Negeri	JBA N. Sembilan	N. Sembilan
	JBA Sabah	Sabah
	JBA Pahang	Pahang
Perbadanan Air (PA) Negeri Bhd.	PA Melaka	Melaka
	PA P.Pinang	P.Pinang dan Seberang Perai
	PA Perak	Perak
	PA Selangor	Selangor, Kuala Lumpur, Putrajaya
	PA Kuching	Kuching
	PA Sibu	Sibu
Syarikat Air (SA) Swasta Sdn. Bhd.	SA Johor Holding	Johor
	SA LAKU	Miri, Limbang dan Bintulu.
	SA Terengganu	Terengganu
	SA Kelantan	Kelantan

Sumber. Cawangan Bekalan Air. Jabatan Kerja Raya Malaysia (2003)

Kos Pengurusan Bekalan Air Setiap Negeri Di Malaysia 2001

Negeri	Perolehan (RM)	Perbelanjaan (RM)	Beza (RM)	Caj Bulanan (RM) Domestik/Komersia
Johor	416,393,323	251,420,159	164,973,164	0.55 / 1.20
Kedah	133,109,739	97,682,738	35,427,001	0.52 / 1.20
Kelantan	41,536,123	30,499,311	11,036,812	0.31 / 0.70
Labuan	9,699,676	16,115,741	-6,416,065	0.90 / 0.90
Melaka	94,294,949	68,593,765	25,701,184	0.59 / 1.40
N.Sembilan	77,341,160	61,228,275	16,112,885	0.55 / 1.00
Pahang	96,054,036	102,833,42	-6,779,387	0.57 / 1.45
Perak	186,096,962	167,575,53	18,521,429	0.66 / 1.20
Perlis	10,467,582	12,280,014	-1,812,432	0.57 / 1.30
P.Pinang	163,316,479	104,111,13	59,205,345	0.30 / 0.52
Sabah	51,680,920	175,318,502	-123,637,582	0.90 / 0.90
Sarawak				
– Kuching	57,531,403	53,814,029	3,717,374	0.61 / 0.97
– Sibu	18,608,355	18,351,803	256,552	0.61 / 0.97
– Miri, Bintulu, & Limbang	43,327,138	40,721,030	2,606,108	0.61 / 0.97
– Zon Lain	19,896,250	30,283,642	-10,387,392	0.61 / 0.97
Selangor	733,928,854	1,495,218,874	-761,290,020	0.55 / 1.20
Terengganu	74,046,865	38,806,102	35,240,763	0.55 / 1.15
Jumlah	**2,227,329,814**	**2,764,854,075**	**-537,524,261**	

Sumber: Cawangan Bekalan Air, Jabatan Kerja Raya Malaysia (2001).
Nota: Pengurusan bekalan air di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya termasuk di bawah pentadbiran pihak Perbadanan Urus Air Selangor Berhad (PUAS).

alaf baru. Pada tahun 2001, kutipan hasil air di seluruh negara sekadar RM2.227 bilion berbanding kos operasi RM2.764 bilion," ujar Chee Par.

Secara purata, defisit hasil ialah RM537.5 juta. Lebih malang, enam negeri mencatatkan kerugian berbanding lima negeri sebelum ini. Selangor mencatatkan kerugian tertinggi iaitu defisit RM761.2 juta. Hasil air negeri itu hanya RM733.9 juta berbanding kos RM1.49 bilion setelah pengkorporatan Perbadanan Urus Air Selangor Berhad (PUAS).

Secara relatif, defisit di Selangor naik lebih tiga kali ganda berbanding tahun sebelumnya. Perlis yang tidak pernah mengalami defisit, akhirnya gagal bertahan apabila mencatatkan kekurangan hasil lebih RM1.8 juta pada 2001. Namun, Perak buat julung kalinya dalam tahun itu berjaya mengatasi masalah defisit dan merekodkan lebihan RM18.5 juta.

Pulau Pinang mengekalkan rekod lebihan tertinggi walaupun pihak berkuasa air negeri itu dikorporatkan. Dengan kadar caj bulanan paling rendah di Malaysia, rekod pengurusan air Pulau Pinang yang 'meniru' gaya urus tadbir Lembaga Utiliti Awam Singapura berjaya mengurangkan kes kehilangan hasil air kepada hampir sifar peratus.

Malangnya, berbeza dengan Pulau Pinang, pendirian Kelantan dan Terengganu langsung menolak kenyataan Samy Vellu bahawa kedua-dua negeri itu ada menyatakan persetujuan pemindahan kuasa kawalan air dari negeri kepada Pusat. Para pemimpin negeri-negeri yang dikuasai oleh parti pembangkang Pas itu menegaskan, pengurusan air akan tetap dikendalikan di bawah Air Kelantan Sdn. Bhd. dan Syarikat Air Terengganu Sdn. Bhd.

Ini menimbulkan kekeliruan kerana jika semua pihak tidak menentang, masakan boleh timbul isu tidak setuju pula. Dr. Mahathir pada 2 Ogos ternyata kurang senang dengan hal itu lalu membayangkan, Kerajaan Pusat mungkin terpaksa meneliti Perlembagaan dan mengkaji kesesuaian had kuasa kerajaan negeri dalam aspek pembahagian urusan air.

Agak melucukan, perkara yang sama juga berlaku di negeri-negeri yang dikuasai oleh pihak pemerintah. Kerajaan Selangor, misalnya, mendakwa negeri itu terkecuali daripada pelaksanaan dasar baru tersebut. Kerajaan Johor pula lebih berhati-hati kerana syarikat yang menguruskan bekalan air negeri itu disenaraikan di Bursa Saham Kuala Lumpur.

Di Sarawak, kerajaan negeri itu mendakwa mereka tidak perlu bergantung kepada pihak luar dan mampu menguruskan bekalan air sendiri. Sarawak merupakan satu-satunya negeri di Malaysia yang pengurusan air dikendalikan oleh empat pihak berasingan mengikut kawasan. Jirannya, Sabah belum lagi mengeluarkan sebarang kenyataan balas.

Sehingga artikel ini ditulis, cuma Perak, Pulau Pinang, Melaka, Negeri Sembilan, Kedah dan Perlis menyokong penuh rancangan Majlis Sumber Air Negara. Manakala negeri-negeri lain menyatakan perlu mendapatkan mandat Dewan Undangan Negeri terlebih dahulu meskipun secara dasar bersetuju ketika mesyuarat majlis tersebut pada 29 Julai.

Chee Par bagaimanapun enggan mengulas lanjut kemungkinan isu pemindahan air di bawah kuasa kerajaan negeri kepada Pusat boleh berlarutan andainya semua pihak terbabit 'bermain tarik tali' dan enggan bekerjasama penuh. Cuma Dr. Mahathir dan timbalan serta Samy Vellu yang boleh bercakap lebih mendalam tentang isu itu.

Isu air sebetulnya amat rumit untuk diselesaikan dalam masa terdekat. "Banyak perkara termasuk dari sudut undang-undang yang perlu dilihat teliti," tambah Mohd. Akbar. "Jika tidak, mungkin sampai bila-bila pun masalah itu gagal diatasi sehingga menyebabkan rakyat pula menderita di sebalik limpahan sumber air negara," katanya. ┘